

Buktikan Pas mampu beri pendidikan percuma
Utusan Online
21 April, 2012

PASIR MAS 20 April - Penyokong Pas diminta mendesak Kerajaan Pas Kelantan tidak mengenakan sebarang bayaran ke atas pelajar yang menuntut di semua institusi pendidikannya bermula daripada pusat asuhan tunas Islam (Pasti) sehingga ke peringkat tertinggi seperti Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (Kias).

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali (**gambar**) berkata, pada masa sama kerajaan Pas Kelantan juga harus menyelesaikan semua bayaran pinjaman pendidikan termasuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang dibuat oleh anak-anak negeri ini.

Beliau berkata, ini disebabkan ia adalah salah satu daripada perjuangan parti tersebut yang mahu memberikan pendidikan percuma kepada rakyat.

"Penyokong Pas perlu menggesa kerajaan Kelantan menghapuskan semua bayaran yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar sekolah di bawah kerajaan negeri seperti maahad tahfiz, Pasti dan pelajar Kias serta Kolej Teknologi Darulnaim," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas majlis perjumpaan dengan jentera pilihan raya wanita Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Tendong di sini hari ini.

Selain itu katanya, Kerajaan Pas Kelantan juga harus menaikkan gaji ustaz dan guru-guru di semua sekolah agama rakyat supaya ini semua selari dengan tuntutan mereka ke atas Kerajaan Pusat.

"Kalau betul mereka mahu memperjuangkan pendidikan percuma, saya nak tanya kenapa Pemuda Pas tidak buat gesaan yang sama kepada kerajaan-kerajaan negeri pembangkang seperti di Selangor, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang, lagi pun ia selari dengan dasar perjuangan baru Pas untuk negara berkeadilan," katanya

Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Pasir Mas berkata, Barisan Nasional (BN) telah membuktikan keupayaan mereka dalam membentuk sistem pendidikan di antara yang terbaik di dunia dengan kadar yuran yang paling murah.

"Sebagai contoh, lahirnya Universiti Tekonologi Mara (UiTM) yang dahulunya dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM) adalah hasil perjuangan dan pemikiran pemimpin terdahulu dengan yuran pengajian paling rendah dalam dunia.

"Malah graduannya bukan sahaja anak-anak penyokong BN tetapi dari semua golongan tidak kira Pas atau pun Parti Keadilan Rakyat," katanya.

Tambahnya, pembangkang terlebih dahulu perlu membuktikan bahawa mereka mampu untuk memberikan pendidikan percuma kepada rakyat.

"Jangan hanya pandai cakap sahaja tetapi tidak mampu untuk melaksanakannya, lihat di Kelantan keadaan sekolah-sekolah agama dan kolej di bawah kelolaan kerajaan Pas Kelantan seperti hidup segan, mati tak mahu," ujarnya.

Katanya, PTPTN ini penting untuk pendidikan anak-anak terutama orang Melayu yang tidak mampu.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0421&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm